



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2009/2010

**NAMA MATA PELAJARAN : ATURCARA KONTRAK &
TAKSIRAN**

KOD MATA PELAJARAN : BBT 4462

KURSUS : BBV

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN :

BAHAGIAN A : JAWAB SEMUA SOALAN
BAHAGIAN B : JAWAB 2 DARI 4 SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG LIMA (5) MUKA SURAT

BAHAGIAN A

S1 Apakah definisi tawaran dan senaraikan jenis-jenis tawaran serta huraikan salah satu dari jenis-jenis tawaran tersebut.

(10 markah)

S2 Dokumen tawaran yang disediakan adalah untuk kegunaan kontraktor bagi meletakkan harga tawarannya. Senaraikan jenis-jenis dokumen tawaran yang perlu dilengkapkan oleh pihak kontraktor.

(10 markah)

S3 Kontrak adalah satu perjanjian yang terjalin apabila satu pihak bersetuju menerima tawaran dari pihak lain. Huraikan dengan ringkas lima prinsip kontrak yang perlu difahami oleh kedua-dua pihak.

(10 markah)

S4 Maklumat-maklumat penting untuk anggaran kos kerja-kerja penggalian dan kerja konkrit bagi Rajah S4 (Lampiran I) adalah seperti berikut :

Kos kerja penggalian 1 m³

RM 115.00

Kos kerja konkrit 1 m³

RM 215.00

Tambahan kos pembaziran kerja konkrit sebanyak 50% dari kos kerja konkrit

Berdasarkan Rajah S4 pada Lampiran I dapatkan anggaran kos bagi kerja-kerja penggalian dan kerja-kerja konkrit untuk asas pad sahaja

Sila gunakan lampiran II untuk menjawab soalan 4

(20 markah)

BAHAGIAN B

S5 Penilaian tender merupakan satu proses yang penting untuk memastikan kontraktor yang dipilih dapat melaksanakan kerja Bincangkan faktor yang diambil kira dalam memilih kontraktor yang berkelayakan.

(25 markah)

S6 Berikan definisi kontrak dan huraikan jenis-jenis kontrak yang biasa digunakan dalam industri pembinaan.

(25 markah)

S7 Unit kadar adalah bagi mata benda kerja yang dikira pada unit ukuran tertentu dimana ianya meliputi kesemua harga – harga yang mempengaruhi kos seperti bahan, buruh, peralatan, pengurusan dan perolehan kepada syarikat. Unit-unit kadar bina harga meliputi perkara-perkara di bawah :

- i. Kos bahan
- ii. Kos buruh
- iii. Kos loji dan peralatan
- iv. Kos pengurusan
- v. Kadar keuntungan

Huraikan dengan ringkas setiap unit kadar bina harga tersebut yang digunakan untuk mendapatkan kadar harga setiap kerja dalam pembinaan.


(25 markah)

S8 Dapatkan harga konkrit asas bagi 1 meter padu jika konkrit dibancuh dengan menggunakan mesin penggaul.

Maklumat penting :

1 meter padu simen	=	28.4 beg
1 beg simen Portland biasa	=	RM16.00
1 meter padu pasir	=	RM 31.00
1 meter padu batu baur saiz 13mm	=	RM 42.00
Pemalar buruh untuk membancuh konkrit	=	3jam/m ³
Upah buruh sehari	=	RM21.00
Mesin berkeupayaan 7/5 1 jam menghasilkan 4m ³ konkrit		
Sewaan mesin termasuk kos minyak	=	RM105.00
3 orang pengendali mesin		
Pengecutan, pembaziran konkrit	=	50%
Pengurusan dan keuntungan	=	20%

(25 markah)



Rajah S4

